

04 FEB 2002

WEF-Wartawan/I

SEKATAN KEPADA WARTAWAN LAPOR FORUM EKONOMI DUNIA

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 4 Feb (Bernama) -- Ramai wartawan yang diberi lencana "oren" untuk membuat liputan Forum Ekonomi Dunia (WEF) kecewa kerana dihalang sepenuhnya daripada memasuki tempat utama berlangsungnya forum itu di Waldorf Astoria Hotel di sini.

Wartawan yang memiliki lencana berwarna oren sekadar dibenarkan memasuki pusat media di Intercontinental Hotel yang terletak di seberang jalan -- bersesak-sesak di hadapan sebuah skrin besar dan terpaksa memasang telinga untuk cuba mendengar apa yang diucapkan oleh peminat di tengah-tengah kebingitan suara wartawan yang berborak sesama sendiri serta bunyi ketukan laptop mereka yang sibuk menghantar laporan ke pejabat masing-masing.

Walaupun syarikat masing-masing membelanjakan beribu-ribu ringgit bagi tambang penerbangan, hotel serta perbelanjaan lain untuk wartawan-wartawan Malaysia mengikuti lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka langsung tidak dapat merapati beliau pada Ahad lepas ketika perdana menteri berucap di tiga majlis di Waldorf.

Jurugambar juga dilarang sama sekali memasuki hotel berkenaan dan mereka hanya diberi foto yang telah dipilih oleh penganjur forum.

Krew televisyen dari Malaysia yang memakai lencana ungu (krew teknikal) turut tidak diberi peluang untuk merakam gambar ketika perdana menteri berucap mengenai pengaliran modal pada satu bengkel dan satu sesi khas mengenai Islam.

Media cetak dan TV telah terlepas peluang untuk mengikuti sesi perbincangan serta soal jawab yang menarik selepas Dr Mahathir melontarkan idea beliau yang provokatif mengenai pengaliran modal. Mereka sekadar mampu menonton siaran langsung yang menunjukkan beliau berucap pada sesi yang membicarakan tentang "Islam Di Sebuah Negara Modern" di pusat media.

Seorang pemberita TV Malaysia berpendapat perjalanannya untuk membuat liputan mengenai forum itu hanya akan membazirkan masa dan wang sekiranya program yang membabitkan perdana menteri sekadar melibatkan peristiwa sampingan di forum berkenaan.

Mujurlah, program beliau selama tiga hari di New York termasuk lawatan ke "ground zero", tapak bekas menara kembar World Trade Center dan kunjungan ke pusat teknologi di luar bandar raya New York pada Isnin dan Selasa.

Ada wartawan yang menganggap persidangan yang sedang berlangsung ini digunakan oleh penganjurnya yang berpangkalan di Switzerland sebagai tempat untuk mengamalkan "sistem kasta". Bukan sedikit wartawan yang mengambil keputusan untuk pulang ke negara masing-masing tanpa membuat sebarang liputan.

Sesetengah wartawan pula menganggap para eksekutif korporat di sini tidak langsung mpedulikan golongan wartawan. Apa yang mengecewakan ialah perkara ini berlaku di bandar raya New York yang kononnya merupakan pusat media dunia.

Charles McLean, jurucakap persidangan dilaporkan berkata bahawa dengan kehadiran 3,000 anggota perwakilan di Waldorf, adalah mustahil untuk memuaskan hati semua orang.

Katanya, kerana itulah sidang media diadakan di hotel lain untuk memberi peluang kepada pemberita dari seluruh dunia yang tidak berpeluang memasuki tempat berlangsungnya persidangan untuk membuat liputan.

Bagaimanapun, apa yang sebenarnya berlaku ialah sidang media

berlangsung semasa diadakan siaran langsung sesi bengkel dan ini menyukarkan mereka untuk menyertainya, kecuali jika ia membabitkan orang terkenal seperti penyanyi pujaan ramai Bono atau peneraju Microsoft, Bill Gates.

McLean berkata, jika di Davos, Switzerland, tempat forum itu diadakan sejak 30 tahun lepas, pihak penganjur tidak mampu memuaskan hati semua wartawan, inikan pula di New York.

Begitulah apa yang dialami oleh pihak akhbar di sebuah negara yang kononnya memperjuangkan kebebasan akhbar.

Nampaknya, penganjur Forum Ekonomi Dunia hidup di sebuah alam lain sambil berpegang kepada "wawasan bagi masa depan yang dikongsi bersama" (tema persidangan pada tahun ini). Mereka menghadapi kemungkinan akan dipulau oleh akhbar pada mesyuarat akan datang tahun depan, biar di mana sekalipun ia diadakan.

-- BERNAMA

SH AHH SP MAI